

Tarikh: Seperti Tarikh Cetakan

# INSURANS HAIWAN PELIHARAAN OYEN

## Helaian Pendedahan Produk

(Sila baca Helaian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Insurans Haiwan Peliharaan Oyen. Pastikan juga anda membaca terma-terma dan syarat-syarat am.)

### 1. Apakah keterangan tentang produk ini?

Kami tahu betapa pentingnya haiwan peliharaan kepada anda. Apabila haiwan peliharaan anda jatuh sakit atau mengalami kecederaan, rawatan perubatan mungkin tidak dapat dielakkan tetapi sangat mahal. Insurans Haiwan Peliharaan Oyen dapat membantu mengurangkan beban kewangan bil veterinar yang tinggi kerana ia memberikan pembayaran balik untuk kos veterinar, kos pembedahan, dan perbelanjaan yang berkaitan dengan kematian haiwan peliharaan anda yang tidak diingini, dan pilihan untuk perlindungan liabiliti pihak ketiga, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat. Lindungi haiwan peliharaan anda hari ini dengan salah satu dari pelan kami yang berpatutan!

### 2. Apakah perlindungan/manfaat yang disediakan?

Jadual ini memberi ringkasan manfaat yang kami tawarkan di bawah polisi ini. Manfaat maksimum yang ditunjukkan adalah jumlah maksimum dan keseluruhan yang kami akan bayar untuk setiap seksyen di bawah polisi ini semasa tempoh insurans. Untuk maklumat penuh tentang Insurans Haiwan Peliharaan (Oyen) anda ini, termasuk pengecualian dan had yang dikenakan, sila rujuk kepada Dokumen Polisi.

Manfaat-manfaat		Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
<b>Manfaat Perubatan</b>				
Seksyen 1*	Bayaran Veterinar dan Bayaran Pembedahan <i>Termasuk:</i>	3,500	5,000	8,000
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Menginap Semalaman Klinik</li> <li>Rawatan selepas Pembedahan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>3 Malam</li> <li>30 hari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan malam tanpa had</li> <li>60 hari</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bilangan malam tanpa had</li> <li>60 hari</li> </ul>
<b>Manfaat Lain</b>				
Seksyen 2**	Kos Pengebumian atau Pembakaran	Tiada	500	1,000
Seksyen 3***	Liabiliti Pihak Ketiga - terpakai untuk kucing sahaja	Tiada	10,000	30,000
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ekses</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Tiada</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000</li> </ul>
Seksyen 3***	Liabiliti Pihak Ketiga - terpakai untuk anjing sahaja	5,000	30,000	50,000
	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ekses</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>500</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>1,000</li> </ul>

Nota-nota:

- \*Bayaran veterinar dan pembedahan yang layak (termasuk rawatan selepas pembedahan) yang ditanggung oleh haiwan peliharaan anda akibat kecederaan dan penyakit yang tidak disengajakan akan dikenakan pembayaran bersama sebanyak 10%. Ini bermaksud anda akan menanggung 10% dan kami akan membayar anda hingga 90% untuk setiap tuntutan yang layak anda buat sepanjang tempoh insurans, tertakluk kepada jumlah maksimum pelan pilihan anda seperti yang ditunjukkan dalam jadual.
- \*\*Manfaat Pengebumian atau Pembakaran adalah berdasarkan kos sebenar yang ditanggung akibat dari kematian haiwan peliharaan anda dan kos sehingga jumlah maksimum pelan pilihan anda seperti yang ditunjukkan dalam jadual.
- \*\*\*Jika haiwan peliharaan anda menyebabkan kecederaan kepada pihak ketiga atau merosakkan harta benda kepunyaan pihak ketiga dan anda bertanggungjawab di bawah undang-undang, kami akan melindungi anda untuk kos dan belanja guaman di bawah manfaat Liabiliti Pihak Ketiga, jika berkenaan, berdasarkan pelan yang anda pilih, tertakluk kepada eksekusi yang dikenakan.

Tempoh perlindungan adalah selama satu (1) tahun. Ia boleh diperbaharui pada setiap ulang tahun tarikh bermulanya polisi dengan membuat bayaran premium yang ditentukan oleh Syarikat pada hari pembaharuan.

### 3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar tertakluk kepada pelan yang anda pilih untuk kucing atau anjing anda, dan ia mungkin berbeza berdasarkan kepada keperluan taja jamin kami.

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Premium Tahunan untuk Kucing	299	399	499
Cukai Perkhidmatan 6% (RM)	17.94	23.94	29.94
<b>Jumlah Premium Tahunan</b>	<b>316.94</b>	<b>422.94</b>	<b>528.94</b>

Pelan	Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
Premium Tahunan untuk Anjing	499	649	799
Cukai Perkhidmatan 6% (RM)	29.94	38.94	47.94
<b>Jumlah Premium Tahunan</b>	<b>528.94</b>	<b>687.94</b>	<b>846.94</b>

### 4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

- | <u>Jenis</u>                          | <u>Amaun</u>           |
|---------------------------------------|------------------------|
| • Cukai Perkhidmatan                  | • 6% daripada premium  |
| • Komisen dibayar kepada Oyen Sdn Bhd | • 25% daripada premium |

Anda dikehendaki membayar sebarang cukai berkaitan yang dikenakan oleh Penguatkuasa Cukai Malaysia berhubung polisi ini.

### 5. Apakah terma-terma dan syarat-syarat utama yang perlu saya ketahui?

- **Kelayakan** - Haiwan peliharaan anda mesti berumur antara dua belas (12) minggu dan sepuluh (10) tahun pada tarikh permulaan polisi ini. Dengan syarat haiwan peliharaan didaftarkan sebelum umur tersebut dan terus dilindungi setelah itu, perlindungan untuk haiwan peliharaan boleh diberikan hingga umur maksimum tiga belas (13) tahun.

- Jika haiwan peliharaan anda adalah anjing, ia mesti dipasang mikrochip dan berlesen dan tidak tergolong di bawah baka yang dilarang atau dikenakan sekatan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan.
- Jika haiwan peliharaan anda adalah kucing, anda mesti memberikan sijil kad perubatan dari doktor veterinar berdaftar dengan maklumat mengenai haiwan peliharaan dan pemiliknya termasuk nama dan gambar haiwan peliharaan mereka.
- **Keputusan Pendedahan** - Anda mesti mengambil penjagaan munasabah untuk tidak salah nyata semasa menjawab soalan di dalam borang cadangan atau di dalam apa-apa permintaan yang dibuat oleh MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (“Syarikat”) dan memeriksa maklumat yang anda berikan adalah lengkap dan tepat. Anda juga perlu mendedahkan semua maklumat yang relevan yang boleh mempengaruhi Syarikat bagi penerimaan insurans ini, memutuskan terma serta premium yang anda akan bayar. Jika anda tidak mengambil penjagaan munasabah dan maklumat yang diberikan oleh anda adalah tidak lengkap atau tidak tepat, ini boleh menjejaskan tuntutan anda. Tanggungjawab anda untuk menyediakan maklumat lengkap dan tepat apabila diminta oleh Syarikat hendaklah berterusan sehingga ke masa insurans itu dibuat oleh anda, membuat perubahan kepada atau memperbaharui insurans anda.
- **Keadaan sedia ada** - Sebarang keadaan, gejala yang wujud atau berlaku sebelum mengambil polisi ini.
- **Keadaan Kongenital** - Keadaan yang wujud sejak lahir, sama ada diwarisi atau disebabkan oleh persekitaran, yang melibatkan sistem organ atau mana-mana bahagian badan yang tidak semestinya menunjukkan tanda-tanda atau gejala yang boleh menyebabkan atau menyumbang kepada **penyakit**.
- **Tempoh Tangguh** - Haiwan peliharaan anda tidak dilindungi selama 14 hari pertama dari tarikh mengambil polisi ini.
- **Rekod** - Anda bersetuju untuk memberikan rekod yang dimiliki oleh doktor veterinar mengenai kelayakan haiwan peliharaan anda dalam masa tujuh (7) hari sejak mengambil polisi ini. Kegagalan memberikan rekod dalam tempoh ini akan menjadikan polisi tidak sah dan anda berhak mendapat bayaran balik premium.
- **Mastautin** - Haiwan peliharaan anda mesti tinggal secara tetap bersama anda di alamat di Malaysia yang dinyatakan dalam jadual semasa polisi berkuat kuasa.
- **Pembaharuan** - Apabila kami menjemput anda untuk memperbaharui polisi anda, kami mungkin mengubah premium, perlindungan, terma-terma dan syarat-syarat yang timbul dari umur haiwan peliharaan, sejarah perubatan dan keuntungan portfolio kami. Kami akan memberitahu anda dengan notis bertulis sekurang-kurangnya tiga puluh (30) hari sebelum tarikh pembaharuan. Bayaran premium anda yang berterusan setelah kami memberikan notis tersebut akan bermakna anda menerima perubahan tersebut.
- **Had Pampasan** - Anda berhak untuk membeli hanya satu Polisi Insurans Haiwan Peliharaan bagi tempoh insurans yang sama termasuk pertindihan tempoh insurans dan tidak akan dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi tersebut. Sekiranya haiwan peliharaan anda dilindungi di bawah lebih daripada satu polisi, kami tidak akan bertanggungjawab ke atas tuntutan yang sama di bawah lebih daripada satu Polisi Insurans Haiwan Peliharaan untuk haiwan peliharaan sama yang berkaitan dengan tempoh insurans yang sama yang dikeluarkan oleh kami. Kami akan membayar kepada anda di bawah polisi pertama dikeluarkan dan akan mengembalikan sebarang premium pendua yang telah dibuat.
- **Ekses** - Jumlah yang perlu anda tanggung sebelum dibayar, jika ada. Jumlah ini bergantung pada pelan pilihan anda semasa membeli insurans ini.
- **Tunai Sebelum Perlindungan** - Insurans ini tidak akan berkuat kuasa kecuali premium belum bayar telah pun dibayar.
- **Makluman Kehilangan** - Notis bertulis tentang sebarang kejadian yang boleh menimbulkan tuntutan hendaklah diserahkan kepada kami dengan secepat mungkin dan dalam sebarang kes tidak lewat daripada tujuh (7) hari selepas kemalangan yang menyebabkan kecederaan kepada haiwan peliharaan anda.
- **Sumbangan** - Jika tuntutan di bawah insurans ini dilindungi oleh mana-mana polisi insurans lain, kami tidak akan membayar lebih daripada bahagian berkadar kami.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk terma-terma dan syarat-syarat di dalam polisi ini.*

## 6. Apakah pengecualian utama di bawah polisi ini?

Kami tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan yang timbul daripada, atau disebabkan oleh:

- Peperangan dan risiko yang seumpamanya.
- Pengionan, radiasi atau pencemaran daripada radioaktif.
- Keadaan sedia ada.
- Penyakit yang berlaku semasa tempoh empat belas (14) hari pertama dari tarikh permulaan polisi pertama anda dan yang mengakibatkan kematian haiwan peliharaan anda.
- Sebarang tuntutan yang membabitkan haiwan peliharaan anda yang tidak boleh dikenal pasti secara tetap dan positif melalui mikrocip dalam kes anjing atau rekod yang dapat dikenal pasti dalam kes kucing.
- Kehamilan, kelahiran atau pembiakan dan apa-apa komplikasi daripadanya.
- Keadaan kongenital, latihan atau terapi untuk penyakit tingkah laku.
- Pemindahan organ, implan pembedahan, alat bantuan dan prostetik.
- Rawatan rutin dan berbentuk pencegahan.
- Haiwan peliharaan yang tergolong di bawah baka yang dilarang atau dikenakan sekatan atau pelupusan haiwan peliharaan anda yang diharamkan atau dilarang atau dianggap berbahaya atau akibat penyembelihan sengaja oleh Kerajaan atau Pihak Berkuasa Awam atau Tempatan.
- Kecederaan disebabkan penganiayaan, niat jahat atau disengajakan atau kecuaiannya terhadap haiwan peliharaan anda atau oleh mana-mana ahli keluarga anda, atau mana-mana pekerja atau pekerja kontrak anda.
- Kemalangan yang berkaitan dengan penggunaan haiwan peliharaan anda untuk tujuan komersial, pekerjaan, profesional atau perniagaan termasuk tetapi tidak terhad kepada perlumbaan, pembiakan, penguatkuasaan undang-undang atau kawalan.
- Haiwan peliharaan yang tidak dinamakan dalam jadual.
- Kejadian yang berlaku di luar tempoh insurans.
- Kejadian yang berlaku di luar Malaysia.
- Sebarang tuntutan untuk rawatan yang diberikan oleh sesiapa sahaja selain daripada doktor haiwan.

*Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kepada Dokumen Polisi untuk senarai penuh pengecualian di dalam polisi ini.*

## 7. Bolehkah saya batalkan polisi saya?

Anda boleh membatalkan polisi ini pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Kami boleh membatalkan polisi ini dengan menghantar notis tujuh (7) hari melalui surat berdaftar ke alamat terakhir anda yang diketahui atau mel elektronik.

Sebarang pembayaran balik premium akan bergantung kepada berapa lamanya tempoh perlindungan telah berkuat kuasa dengan syarat tiada sebarang tuntutan telah dibuat dalam tempoh insurans polisi ini.

## 8. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan dalam maklumat peribadi saya?

Anda mesti memberitahu kami secara bertulis sebaik sahaja anda mengetahui sebarang perubahan perubatan atau sebarang maklumat relevan tentang haiwan peliharaan anda yang mungkin meningkatkan risiko kerugian, kemalangan atau kecederaan. Kami mungkin memerlukan anda untuk membayar premium tambahan atau mengubah terma-terma dan syarat-syarat polisi akibat mana-mana perubahan tersebut atau membiarkan polisi tanpa diubah.



MSIG Insurance (Malaysia) Bhd (46983-W)  
Head Office: Customer Service Centre, Level 15, Menara Hap Seng 2,  
Plaza Hap Seng, No. 1, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur  
Tel +603 2050 8228, Fax +603 2026 8086, Customer Service Hotline 1800 88 MSIG (6744)  
[www.msig.com.my](http://www.msig.com.my)  
A Member of **MS&AD** INSURANCE GROUP

## 9. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai insurans ini, sila hubungi kami di:

MSIG Insurance (Malaysia) Bhd  
No.Pendaftaran 197901002705 (46983-W)  
Pusat Khidmat Pelanggan:  
Tingkat 15, Menara Hap Seng 2, Plaza Hap Seng  
No. 1, Jalan P. Ramlee  
50250 Kuala Lumpur  
Tel: (603) 2050 8228  
Faks: (603) 2026 8086  
Talian Perkhidmatan Pelanggan: 1800-88-MSIG (6744)  
E-mel: [myMSIG@my.msig-asia.com](mailto:myMSIG@my.msig-asia.com)

**NOTA PENTING: ANDA HARUS MEMUASKAN HATI ANDA BAHAWA POLISI INI ADALAH TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA HARUS MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN OYEN SDN BHD ATAU TERUS MENGHUBUNGI SYARIKAT INSURANS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.**

Maklumat yang disediakan dalam Helaiian Pendedahan Produk ini adalah sah pada 15 Mac 2021.